

Teater mini STEM platform suntik minat pelajar

Memberi semangat kepada pelajar berkarya lebih banyak dalam bidang inovasi, kata Arifin

UB 19.07.2024 P.08

KOTA KINABALU: Pertandingan Pementasan Teater Mini berunsurkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merupakan platform terbaik dalam menyuntik semangat pelajar terhadap bidang berkenaan.

Menyatakan hal ini, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Mohd Arifin Mohd Arif berkata, program berkenaan memberi semangat kepada pelajar berkarya lebih banyak dalam bidang inovasi.

Katanya, sebanyak 20 hasil karya STEM inovasi digilap oleh pengajur dan diharap program itu lebih memberikan semangat kepada anak-anak untuk mencipta karya sedemikian.

Beliau menegaskan penting untuk mendekatkan mereka dengan program sedemikian supaya sasaran kerajaan meramaikan lagi pelajar terlibat STEM dapat dicapai.



TAHNIAH: Johan pertandingan dari SMK Beaufort 3 bergambar kenangan bersama Arifin (tengah).

Menurutnya, kementeriannya yang bertanggungjawab dalam aspek

pendidikan akan membantu program itu setiap tahun.

“Saya akan mengenal pasti beberapa kementerian untuk membantu dan

membuat susulan kepada hasil karya mereka.

“Sudah pasti hasil karya

mereka akan kita komersialkan dan yang paling penting kita akan patenkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Pementasan Mini Teater STEM Sabah Tahap 1 di sini, pada Rabu.

Pada majlis itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Beaufort 3 dinobatkan sebagai juara yang membawa pulang sebuah trofi beserta wang tunai, disusuli SMK St. Pedrick Inovator di tempat kedua manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh SMK Membakut 2.

Turut hadir Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Professor Datuk Dr. Kasim Mansur serta Pengurus Persatuan STEM Kebangsaan, Datuk Dr. Noraini Idris. —Penerangan